LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015 3757/1

EKONOMI ASAS
Kertas 1
Nov./Dis.

$1\frac{1}{4}$ jam **Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

1 Apakah kos lepas bagi firma?

A Bayaran untuk mengeluarkan seunit output

B Pilihan input yang digunakan dalam proses pengeluaran

C Output yang tidak dipilih bagi mendapatkan output terbaik

D Perbelanjaan yang ditanggung untuk menghasilkan barangan

2 Encik Munawir telah berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM20 000. Dia membuat keputusan untuk menggunakan tanah seluas dua ekar bagi mengusahakan kolam ternakan ikan air tawar dengan dibantu oleh dua orang pekerja.

Antara yang berikut, masalah asas ekonomi manakah yang telah diselesaikan olehnya?

I Apa yang hendak dikeluarkan

II Berapa yang hendak dikeluarkan

III Bagaimana hendak dikeluarkan

IV Untuk siapa dikeluarkan

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

3 Maklumat berikut menunjukkan ciri sistem ekonomi yang diamalkan oleh dua buah negara.

Negara P	Negara Q
Wujud persaingan antara firma	Tidak wujud persaingan antara firma
Matlamat utama memaksimumkan kepuasan dan keuntungan	Matlamat utama memaksimumkan kebajikan rakyat

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara P	Negara Q
A	Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi Islam
B	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi Islam
C	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi perancangan pusat
D	Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi perancangan pusat

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

4 Rajah 1 menunjukkan persamaan ciri bagi dua sistem ekonomi.



Rajah 1

Apakah **X**?

A Memaksimumkan utiliti

B Menyediakan barang awam

C Mewujudkan persaingan antara firma

D Mekanisma harga menentukan peruntukan sumber ekonomi

5 Untung adalah ganjaran yang diterima oleh usahawan kerana

A menangguhkan perbelanjaannya pada masa sekarang

B membenarkan orang lain mengurus perniagaannya

C menabung dalam institusi kewangan Islam

D menyelaras faktor-faktor pengeluaran

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	:	1 000 unit
Harga jualan seunit	:	RM15.00
Kos purata	:	RM10.00

Berapakah untung firma tersebut?

A RM5 000

B RM10 000

C RM15 000

D RM25 000

3757/1 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

7 Rajah 2 menunjukkan sebahagian langkah-langkah penyediaan belanjawan peribadi.



Rajah 2

Apakah **Y**?

A Menabung baki pendapatan boleh guna

B Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan

C Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib

D Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna

8 Maklumat berikut berkaitan dengan satu rumus dalam ekonomi.

X = Pendapatan Boleh Guna – Tabungan

Pernyataan manakah yang menerangkan tentang **X**?

A Membayar zakat

B Membeli polisi insurans

C Membayar cukai pendapatan

D Mencarum dalam PERKESO

9 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti permintaan terhadap kereta bagi tempoh dua tahun.

Harga (RM)	**Kuantiti Permintaan (unit)**	
	Tahun 2013	**Tahun 2014**
85 000	10 000	20 000

Jadual 1

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan permintaan kereta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013?

A Iklan yang berkesan

B Harga petrol meningkat

C Tambang pengangkutan awam menurun

D Kadar cukai pendapatan perseorangan meningkat

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

10 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan.

Gaji kakitangan awam meningkat sebanyak 13 peratus mulai Januari 2012.

Rajah manakah yang menunjukkan kesan perubahan penentu tersebut terhadap permintaan barang di pasaran?

A



B



C



D



3757/1 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

11 Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga (%ΔP) dan peratus perubahan kuantiti diminta (%ΔQ) bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	%ΔP	%ΔQ
P	10	5
Q	5	20

Jadual 2

Pernyataan manakah yang betul tentang maklumat dalam jadual di atas?

A Contoh barang Q ialah getah

B Jenis keanjalan barang P ialah anjal

C Pengeluar perlu menurunkan harga barang Q untuk memaksimumkan hasil

D Apabila harga barang P naik sebanyak 2 %, kuantiti diminta turun sebanyak 10 %

12 Pernyataan manakah yang betul tentang input berubah dalam fungsi pengeluaran jangka pendek sesuatu barang?

A Contoh ialah bangunan

B Tidak wujud apabila output sifar

C Wujud dalam jangka pendek sahaja

D Tidak berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

13 Pernyataan manakah yang betul tentang jumlah kos?

A Berkadar langsung dengan kos tetap

B Meningkat apabila kos berubah bertambah

C Sama dengan kos berubah pada tingkat output sifar

D Merupakan perbelanjaan ke atas penggunaan input tetap

14 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran Syarikat Harmoni Sdn. Bhd.

> Syarikat Harmoni Sdn. Bhd. menanggung kos tetap sebanyak RM50 dan kos berubah sebanyak RM40 untuk mengeluarkan 20 batang pen.

Berapakah kos purata?

A RM2.00

B RM2.50

C RM3.50

D RM4.50

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

15 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah kos yang ditanggung oleh firma OPQ yang mengeluarkan kamera meningkat dari RM8 000 ke RM8 400 apabila output bertambah dari 40 buah kamera ke 43 buah kamera.

Berapakah kos sut?

A RM133.33

B RM186.04

C RM195.34

D RM200.00

16 Peningkatan harga baju dari RM40 ke RM50 menyebabkan kuantiti ditawarkan bertambah dari 100 unit ke 150 unit.

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut?

A 0·5

B 2·0

C 2·5

D 3·0

3757/1 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

17 Pilih pasangan yang betul tentang perubahan penentu penawaran terhadap penawaran sesuatu barang.

	Penentu Penawaran	Keluk Penawaran
A	Harga barang itu menurun	
B	Kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar	
C	Kos pengeluaran menurun	
D	Harga dijangka naik pada masa hadapan	

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

18 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang keluk penawaran pasaran?

A Bentuk keluk adalah mencerun ke bawah dari kiri ke kanan

B Menunjukkan hubungan negatif antara harga dengan kuantiti ditawar

C Diperoleh dengan menggabungkan semua keluk penawaran individu secara menegak

D Menunjukkan jumlah kuantiti barang ditawarkan oleh semua firma pada setiap tingkat harga

19 Jadual 3 menunjukkan penawaran dan permintaan buruh di pasaran.

Upah Sebulan (RM)	Kuantiti Buruh Ditawar (orang)	Kuantiti Buruh Diminta (orang)
500	30	120
1 000	60	100
1 500	120	50
2 000	150	20

Jadual 3

Pernyataan manakah yang betul tentang jadual di atas?

A Pada tingkat upah RM2 000, wujud lebihan permintaan sebanyak 130 orang

B Pada tingkat upah RM1 500, upah cenderung naik untuk mencapai keseimbangan pasaran

C Pada tingkat upah RM1 000, wujud kurangan penawaran sebanyak 40 orang

D Pada tingkat upah RM500, kuantiti ditawar melebihi kuantiti diminta sebanyak 90 orang

20 Wang boleh digunakan dalam pembelian secara ansuran suatu barang.
Fungsi wang adalah sebagai alat

A ukuran nilai

B simpanan nilai

C bayaran tertunda

D perantaraan pertukaran

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

21 Rajah 3 menunjukkan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.



Rajah 3

Antara yang berikut, yang manakah betul tentang aliran dalam rajah tersebut?

I Puan Salamah membuat bayaran penggunaan

II Syarikat X membayar upah

III Puan Salamah menyewakan rumah kedai

IV Syarikat X menawarkan perabot

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

22 Institusi kewangan manakah yang menyediakan kemudahan perkhidmatan pinjaman bersindiket?

A Bank Islam

B Bank pusat

C Bank saudagar

D Bank perdagangan

23 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perkhidmatan bank perdagangan.

- Tidak memerlukan cagaran
- Diberi kepada pemegang akaun semasa

Apakah perkhidmatan tersebut?

A Overdraf

B Draf bank

C Pinjaman persendirian

D Mendiskaunkan bil pertukaran

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

24 Pemilik akaun simpanan tetap

A dibayar kadar faedah lebih tinggi

B menerima penyata bank setiap bulan

C diberi kemudahan menggunakan cek

D boleh menggunakan kad juruwang elektronik

25 Pernyataan manakah yang betul apabila bank pusat melonggarkan syarat sewa beli untuk membeli kenderaan?

A Permintaan meningkat

B Ansuran bulanan menjadi semakin tinggi

C Tempoh bayaran balik menjadi lebih pendek

D Jumlah wang pendahuluan semakin bertambah

26 Tindakan bank pusat yang manakah akan meningkatkan penawaran wang dalam pasaran?

A Menaikkan kadar faedah

B Meningkatkan kadar rizab tunai

C Menjual surat jaminan kerajaan

D Memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman

27 Apakah aktiviti yang tergolong dalam sektor kedua?

A Perlombongan dan perkhidmatan insurans

B Perusahaan tekstil dan perkhidmatan hotel

C Pembinaan rumah dan perusahaan perabot

D Penanaman kelapa sawit dan pembinaan jalan raya

28 Pasangan manakah yang betul tentang cukai langsung dan cukai tidak langsung?

	Cukai Langsung	**Cukai Tidak Langsung**
A	Dikenakan ke atas barang	Dikenakan ke atas individu
B	Kadar cukai bersifat progresif	Kadar cukai bersifat tetap
C	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
D	Contoh ialah cukai jualan	Contoh ialah cukai pintu

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

29 Antara yang berikut, yang manakah eksport barang nampak Malaysia?

A Barang pelaburan

B Barang perantaraan

C Barang perkilangan

D Barang penggunaan

30 Mengapakah pertukaran asing penting kepada Malaysia?

A Membiayai eksport

B Menambah jumlah rizab negara

C Menggalakkan kemasukan pelabur asing

D Membayar balik pinjaman ke luar negara

31 Situasi manakah yang direkod dalam Akaun Perkhidmatan dalam Akaun Semasa?

A Firma Bersatu Berhad mengeksport buah-buahan segar ke Timur Tengah

B Pelabur Malaysia meningkatkan pelaburan dalam sektor pembinaan di India

C Pasukan bola sepak Terengganu menggunakan khidmat jurulatih dari England

D Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kewangan kepada mangsa gempa bumi di Pakistan

32 Imbangan dagangan cenderung menjadi negatif disebabkan oleh pertambahan

A barang import dari luar negara

B pelaburan asing ke dalam negara

C kiriman wang pekerja asing ke negaranya

D kemasukan pelancong asing ke dalam negara

33 Situasi manakah yang boleh memperbaik imbangan pembayaran bagi Malaysia?

A Kemasukan pelancong China meningkat

B Pelaburan Malaysia di Vietnam meningkat

C Penghantaran pelajar Malaysia ke Rusia bertambah

D Penggunaan kapal terbang Qatar pada musim haji meningkat

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

34 Rajah 4 berkaitan dengan dua bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.



Rajah 4

Apakah **X**?

A Mengurangkan kos pengeluaran bagi firma tempatan

B Melindungi industri muda dan tempatan

C Mendatangkan hasil kepada kerajaan

D Mengagihkan pendapatan secara adil

3757/1 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

Soalan 35 *hingga* **Soalan 40** *berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35 I Tujuan kerajaan membuat projek pembangunan adalah untuk memaksimumkan keuntungan.

II Contoh projek pembangunan ialah Aliran Transit Mesra, MRT dari Sungai Buloh ke Kajang, Selangor.

36 I Semakin rendah harga purata barang, semakin tinggi upah benar.

II Semakin tinggi upah benar, semakin banyak kuantiti barang dan perkhidmatan yang boleh diperoleh.

37 I Firma ialah organisasi yang membekalkan faktor-faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

II Firma bermatlamat untuk mencapai keuntungan yang maksimum.

38 I Jenis wang terdiri daripada wang kertas, wang siling dan wang tanda.

II Wang kertas boleh digunakan untuk membuat pembayaran pada bila-bila masa.

39 I Pinjaman luar negara boleh menjejaskan kestabilan nilai Ringgit Malaysia.

II Kredit pembekal merupakan satu daripada sumber pinjaman luar negara.

40 I Permintaan ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan ke atas eksport negara.

II Apabila nilai eksport meningkat, nilai Ringgit Malaysia cenderung naik.

KERTAS SOALAN TAMAT

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015 3757/2

EKONOMI ASAS
Kertas 2
Nov./Dis.

2 jam **Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan wajib di* **Bahagian B**.
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas Peperiksaan.*
4. *Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
5. *Anda dinasihati supaya mengambil masa* 80 *minit untuk menjawab soalan dalam* **Bahagian A** *dan* 40 *minit untuk menjawab soalan dalam* **Bahagian B**.
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
7. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

Bahagian A

[75 *markah*]

Jawab mana-mana **tiga** *soalan daripada bahagian ini.*

1 (*a*) Gambar 1 berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah penduduk Kampung Chempaka.

Gambar 1

Bagaimanakah kerajaan menghadapi masalah ekonomi tersebut? [5 *markah*]

(*b*) Terangkan cara sistem ekonomi Islam menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

(i) Apa yang hendak dikeluarkan [2 *markah*]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan [2 *markah*]

(iii) Untuk siapa dikeluarkan [3 *markah*]

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

(*c*) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan oleh Shankar.

> Shankar berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia adalah anak seorang kakitangan hospital kerajaan. Dia bekerja sebagai penyelia pengeluaran di sebuah kilang papan di Kluang, Johor. Dia menerima gaji RM1 600 sebulan. Pada bulan Mac lalu, dia telah berhenti kerja dan membuat keputusan untuk bekerja sebagai kerani di klinik 1Malaysia di Arau, Perlis, tempat tinggal keluarganya. Gaji yang ditawarkan kepadanya ialah RM1 200 sebulan.

Anda berpendapat Shankar telah membuat keputusan yang bijak.

Kemukakan alasan anda. [6 *markah*]

(*d*) Fadil merupakan anak seorang petani. Enam bulan selepas berjaya memperoleh Diploma Perakaunan, dia membuat keputusan untuk bekerja sendiri. Berniaga ikan air tawar dan sayur-sayuran kampung menjadi pilihannya. Dia menabung tiap-tiap bulan sebanyak RM150 di bank perdagangan. Selepas tiga tahun dia berhasrat ke Indonesia selama lima hari untuk mencari peluang perniagaan baharu.

(i) Terangkan sektor ekonomi yang dipilih oleh Fadil. [2 *markah*]

(ii) Wajarkah Fadil meneruskan hasratnya ke Indonesia selepas tiga tahun menabung?

Beri alasan. [5 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

2 (*a*) Gambar 2 menunjukkan perbualan dalam satu unit ekonomi.



Gambar 2

(i) Apakah unit ekonomi di atas? Beri alasan. [3 *markah*]

(ii) Jika masalah yang dihadapi oleh abah berterusan, jelaskan kesan terhadap unit ekonomi di **2**(*a*)(i). [5 *markah*]

(*b*) Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Rajah 1

Jelaskan jenis keanjalan harga permintaan barang tersebut. [5 *markah*]

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

(*c*) Petikan berikut berkaitan dengan fenomena alam.

> Fenomena El-Nino menyebabkan cuaca panas dan kering yang melampau di rantau Asia Tenggara. Hal ini menjejaskan 85 % tanaman kelapa sawit dunia yang terdapat di rantau tersebut. Fenomena ini telah menghalang pertumbuhan daun dan buah kelapa sawit. Keadaan ini turut memberi kesan kepada bekalan minyak sawit yang digunakan untuk membuat bahan api bio dan makanan, sabun serta kosmetik.
>
> *Sumber*: *Ubah suai daripada Berita Harian,* 21 *Mei* 2014

(i) Lakarkan keluk yang menunjukkan perubahan penawaran buah tersebut. [3 *markah*]

(ii) Jelaskan faktor-faktor lain yang menyebabkan perubahan penawaran buah di **2**(*c*)(i). [4 *markah*]

(*d*) Jelaskan konsep input dalam pengeluaran jangka pendek. [5 *markah*]

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

3 (*a*) Dengan menggunakan jadual yang sesuai, jelaskan cara penentuan upah dan kuantiti keseimbangan buruh di pasaran buruh. [8 *markah*]

(*b*) Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan bank pusat melalui alat dasar kewangan bagi mengatasi satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.



(i) Jelaskan konsep keadaan ketidakstabilan ekonomi tersebut. [2 *markah*]

(ii) Apakah **Q**? [1 *markah*]

(iii) Huraikan cara kerajaan melalui alat belanjawan negara mengawal keadaan di **3**(*b*)(i). [5 *markah*]

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

(*c*) Encik Zaman adalah seorang graduan universiti. Dia baru mendapat pekerjaan sebagai eksekutif pengurusan di kilang cetakan di bandar raya Shah Alam, Selangor. Dia membuat keputusan untuk membeli sebuah kereta Myvi melalui pinjaman bank sepenuhnya yang berharga RM50 000. Pembelian kereta ini bagi memudahkan urusan ulang-alik dari rumah ke tempat kerja. Pendapatan boleh gunanya ialah RM2 800 dan perbelanjaan bulanan adalah seperti berikut:

Butiran	**RM**
Sewa bilik	400
Makanan dan minuman	600
Tambang	200
Sumbangan ibu bapa	200
Bil telefon / air / elektrik	200
Hiburan	200
Insurans nyawa dan insurans perubatan	100
Kecemasan / luar jangkaan	100

Encik Zaman telah mendapatkan maklumat pinjaman daripada dua buah institusi kewangan berikut:

Jati Bank Berhad	**Teguh Bank Berhad**
Kadar faedah pinjaman: 3·88 %	Kadar faedah pinjaman: 3·28 %
Tempoh bayaran balik: Tujuh (7) tahun (maksimum)	Tempoh bayaran balik: Lima (5) tahun (maksimum)

(i) Pada pendapat anda, bank manakah yang sesuai menjadi pilihan Encik Zaman untuk membuat pinjaman?

Beri alasan. [4 *markah*]

(ii) Jika anda seorang perunding kewangan keluarga, gunakan keseluruhan maklumat di atas untuk menasihati Encik Zaman tentang keupayaannya untuk memiliki kereta tersebut.

Jelaskan jawapan anda secara terperinci. [5 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

4 Soalan **4**(*a*) berdasarkan Sumber A dan Sumber B yang berkaitan dengan satu krisis yang melanda negara Malaysia.

Sumber A

...Sementara itu di Kedah, paras air Empangan Muda hampir mencapai tahap kritikal apabila menurun kepada 15 meter berbanding paras normal akibat kemarau sejak awal tahun ini. Pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengambil langkah berhati-hati apabila menyusun semula jadual pelepasan air ke kawasan sawah padi. Penjadualan semula itu menyaksikan jadual pelepasan air ditunda selama 10 hari daripada 15 Mac kepada 25 Mac ini, sekali gus menyebabkan musim baharu penanaman padi tertangguh.

Sumber: *Ubah suai daripada Utusan.com.my bertarikh* 20 *Mac* 2014

Sumber B

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

(*a*) (i) Berdasarkan sumber A, bagaimanakah kerajaan berperanan untuk mengatasi krisis tersebut? [3 *markah*]

(ii) Berdasarkan sumber B, jelaskan kesan situasi tersebut terhadap pasaran beras tempatan. [3 *markah*]

(iii) Berdasarkan keseluruhan maklumat yang diberi, jelaskan kesan krisis tersebut terhadap isi rumah. [6 *markah*]

(*b*) Bandingkan antara cukai langsung dengan cukai tak langsung. [8 *markah*]

(*c*) Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

> Kira-kira 1 167 kakitangan awam ditawarkan membeli unit Pangsapuri Melinjau, Presint 11, di sini, semalam.
>
> Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, unit kediaman yang ditawarkan itu merangkumi pembinaan 10 639 unit pangsapuri di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu dalam tempoh lima tahun sehingga 2018. Unit yang ditawarkan ini berkeluasan 92·9 meter persegi (mps), 114·48 mps dan 139·35 mps dengan harga antara RM150 000 hingga RM300 000.
>
> *Sumber*: *Ubah suai daripada Berita Harian,* 16 *April* 2014

Apakah komponen perbelanjaan kerajaan yang dilakukan oleh kerajaan Wilayah Persekutuan?

Beri alasan. [5 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

5 Soalan **5**(*a*) berdasarkan maklumat berikut yang berkaitan dengan satu fenomena alam yang berlaku di Kedah.

Kedah dilanda musim bunga!

Alor Setar - Selepas dilanda musim kemarau, Kedah kini dilanda musim bunga. Suasana indah ini bagaikan berada di Korea dilimpahi guguran bunga sakura, berwarna putih dan merah jambu. Penduduk negeri ini dilihat tidak melepaskan peluang merakamkan saat indah ini apabila bunga-bunga yang jatuh itu berguguran menutupi permukaan tanah bagaikan berhamparan permaidani.

Kerajaan negeri Kedah bercadang untuk mewujudkan sebuah taman landskap yang hanya dipenuhi dengan pokok Tabebuia yang digelar pokok sakura Malaysia. Antara lokasi sesuai yang dicadangkan ialah Taman Jubli Emas Suka Menanti dan perkarangan stadium Darul Aman. Langkah ini dijangka menarik ribuan pelancong dalam dan luar negara terutamanya dari Asia Tenggara setiap kali bunganya mekar seperti *Washington Monument* yang dipenuhi pokok *Cherry Blossoms* atau taman khas indah yang lain seperti Bangalore (Ros), Belanda (Tulip) dan China (Cherry Blossoms).

Sumber: *Ubah suai daripada Sinar Harian,* 6 *April* 2014

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

(*a*) (i) Andaikan anda berada di Kedah pada musim tersebut, terangkan **dua** cara anda merebut peluang yang ada untuk menjanakan pendapatan. [4 *markah*]

(ii) Bersetujukan anda dengan langkah kerajaan negeri tersebut?

Beri jawapan anda secara terperinci. [7 *markah*]

(*b*) Maklumat berikut berkaitan dengan satu sekatan perdagangan antarabangsa.

> Peraturan Penggredan, Pembungkusan & Pelabelan (GPL) untuk meningkatkan kualiti hasil pertanian yang dipasarkan dan bagi barangan import, ia berpandukan spesifikasi gred Malaysia Standard (MS) & Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). Namun ada juga peniaga enggan patuhi peraturan penggredan, pembungkusan dan pelabelan.
>
> *Sumber*: *Harian Metro,* 20 *Mei* 2014

Terangkan kepentingan sekatan tersebut kepada negara. [6 *markah*]

(*c*) Jelaskan konsep berikut:

(i) Imbangan pembayaran [4 *markah*]

(ii) Kadar pertukaran asing [2 *markah*]

(iii) Penawaran terhadap Ringgit Malaysia [2 *markah*]

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

Bahagian B

[25 *markah*]

Soalan ini **wajib** *dijawab.*

6 Sarah merupakan murid Tingkatan Empat Ekonomi di Sekolah Menengah Kebangsaan Armada. Dia merupakan anak sulong daripada lima beradik. Ayahnya, Encik Kamal merupakan seorang pesara tentera manakala ibunya, Puan Hamidah bekerja sendiri di rumah sebagai tukang jahit.

Pada awal tahun, Sarah memperoleh RM100 daripada Bantuan Khas Awal Persekolahan (BKAP) dan RM150 daripada ayahnya untuk membeli barang persekolahannya yang berjumlah RM250. Namun, Sarah membuat keputusan untuk berjimat sebanyak 50 peratus daripada BKAP dengan cara menangguhkan pembelian pakaian sekolah baharunya. Wang tersebut sebaliknya dijadikan sebagai modal untuk melayakkan dirinya menjadi ahli kelab usahawan muda sekolah.

Sarah dan rakan-rakan menjalankan aktiviti menjual makanan dan minuman, kraf tangan dan perkhidmatan fotostat semasa rehat dan selepas waktu persekolahan. Seminggu selepas menjalankan perniagaan di sekolah, mereka menyertai ekspo usahawan muda di ruang legar sebuah pusat membeli belah selama dua minggu. Pada dua hari pertama beroperasi, didapati jualan makanan dan minuman tidak memuaskan malahan tidak dapat menampung kos belian bahan mentah. Oleh itu, mereka memutuskan untuk menurunkan harga bagi menarik para pengunjung membeli di gerai mereka.

Berikut menunjukkan hasil jualan dan kos yang terlibat sepanjang ekspo usahawan muda.

Butiran	Jumlah (RM)
Hasil jualan	2 060
Stok barang niaga	1 000
Sewa tapak	200
Upah pekerja (dua orang)	300

Sarah berpendapat keuntungan yang diperoleh daripada ekspo tersebut sepatutnya lebih tinggi kerana mereka telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan jualan. Mereka juga telah memberi layanan mesra kepada para pelanggan.

Setelah setahun, pelbagai ilmu dan kemahiran tentang perniagaan diperoleh Sarah. Berdasarkan ilmu dan kemahiran tersebut, Sarah berhasrat memajukan perniagaan ibunya. Dia mencadangkan perniagaan secara atas talian dan penghantaran pakaian tempahan melalui perkhidmatan pos. Namun ibunya tidak bersetuju dan tetap ingin meneruskan perniagaan dengan cara yang sedia ada.

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

(*a*) Bezakan jenis pendapatan yang diterima oleh ayah dan ibu Sarah. [6 *markah*]

(*b*) Mengapakah Sarah bertindak demikian pada awal tahun? [4 *markah*]

(*c*) Bersetujukah anda dengan tindakan Sarah dan rakan-rakan untuk menarik pengunjung membeli di gerai mereka?

Beri alasan. [3 *markah*]

(*d*) Hitung keuntungan yang diperoleh Sarah dan rakan-rakannya. [3 *markah*]

(*e*) Pada pendapat anda, bagaimanakah Sarah dan rakan-rakan berupaya memperoleh untung yang lebih tinggi seperti yang diharapkan? [5 *markah*]

(*f*) Beri komen tentang keputusan ibu terhadap cadangan Sarah untuk memajukan perniagaan menjahit pakaian. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com